

'Saya masih boleh simpan Waytha Moorthy'

PUTRAJAYA 3 Okt. -

"Saya tak nampak ada masalah, jadi saya masih boleh simpan dia sebagai menteri."

Itu reaksi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai desakan pelbagai pihak supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator P. Waytha Moorthy dipecat.

Ini berikutan menteri berkenaan didakwa gagal mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum, sehingga tercetusnya pelbagai isu sensitif termasuk menyentuh perkauman dan agama.

Pada Januari lalu Dr. Mahathir dipetik berkata, akan membuat keputusan mengenai kedudukan Waytha Moorthy sebagai menteri selepas menerima laporan penuh inkues kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd. Kassim.